

## Lakukanlah kebaikan di mana sahaja

**TAKHTA SUCI:** Berucap kepada umat beriman yang berkumpul di Dataran Sto Petrus untuk doa Angelus, Sri Paus Leo menyampaikan renungan yang dipetik daripada Injil dari Lukas yang menggesa umat untuk bertanya kepada diri sendiri: bagaimana mereka melaburkan “harta” kehidupan mereka.

Memetik kata-kata Yesus, “Juallah apa yang kamu miliki dan berikanlah sedekah”, Sri Paus menggesa umat Kristian agar bermurah hati dengan kurniaan yang telah diterima daripada Tuhan serta menggunakannya dengan murah hati demi kebaikan orang lain – khususnya mereka yang paling memerlukan.

“Ia bukan sahaja mengenai berkongsi harta benda,” katanya, “tetapi tentang menggunakan kebolehan kita, masa kita, kasih sayang kita, kehadiran kita, empati kita.”

Tambahnya, “Setiap orang, mempunyai kebaikan yang unik dan tidak ternilai dalam rancangan Tuhan. Kebaikan-kebaikan ini harus dipupuk dan dilaburkan, “jika tidak, ia akan kering dan kehilangan nilainya.”

Sri Paus seterusnya mengingatkan umat bahawa harta ini mungkin hanya akan dibazirkan, atau diambil oleh mereka “yang, seperti pencuri, menjadikannya sebagai objek penggunaan.”

Kurniaan Tuhan yang kita miliki, memerlukan ruang, kebebasan, dan hubungan untuk berkembang maju - dan di atas segalanya, ia memerlukan kasih sayang, “yang mengubah dan memuliakan setiap aspek kewujudan kita, menjadikan kita semakin taat kepada perintah Tuhan.”

Prelatus itu menyatakan Yesus mengucapkan kata-kata ini semasa



perjalanan-Nya ke Yerusalem, di mana Dia akan menyerahkan diri sepenuhnya di atas salib. Sri Paus Leo menjelaskan bahawa perbuatan belas kasihan sebagai “bank” yang paling selamat dan paling berbuah untuk harta kehidupan kita.

“Bahkan tindakan-tindakan yang sangat kecil,” katanya, “boleh bernilai yang tidak terhingga, seperti perumpamaan tentang balu miskin dalam Injil, meskipun balu itu hanya menderma dua syiling kecil, namun di mata Tuhan, balu itu ialah “orang terkaya di dunia”.

Memetik kata-kata Sto Augustinus, Sri Paus menyatakan bahawa walaupun

orang mungkin bergembira untuk menukar gangsa kepada perak atau perak kepada emas, “apa yang diberikan” dalam cinta menghasilkan sesuatu yang jauh lebih besar iaitu kehidupan kekal.

Bapa Suci Leo kemudian mengajak umat beriman untuk melihat kebenaran ini dalam kehidupan seharian — seperti tindakan ibu yang memeluk erat anak-anaknya atau seperti dua orang yang sedang bercinta yang memperlihatkan kita bahawa cinta atau tindakan kecil yang baik, dapat menghasilkan sesuatu yang lebih besar.

Di mana sahaja kita berada — di rumah, di paroki kita, di sekolah, atau di tempat

kerja — Sri Paus menggalakkan kita “untuk tidak melepaskan sebarang peluang untuk mengasihi.”

Ini, katanya, adalah kewaspadaan yang Yesus minta daripada kita: sentiasa memberi perhatian, bersedia, dan sensitif terhadap satu sama lain, sebagaimana Dia sentiasa bersama kita setiap saat.

Mengakhiri ucapannya, Sri Paus menyerahkan hasrat ini kepada Maria, “Bintang Pagi”, memohon agar Bonda Maria dapat membantu semua umat beriman menjadi agen belas kasihan dan damai di dunia yang berpecah belah.  
**Media Vatikan**

## Hentikan perang di Ukraine dan kebuluran di Gaza

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV berbicara dengan tegas mengenai gencatan senjata dan perjanjian damai di Ukraine, penyelesaian krisis kemanusiaan dan kebuluran di Gaza, serta pembebasan tebusan Israel.

Hal-hal rumit dan mendesak ini dinyatakan oleh Sri Paus Leo XIV pada petang Ogos 13 lalu.

Prelatus itu menyatakan pesan ini kepada wartawan semasa ketibaannya di Castel Gandolfo. Bapa Suci menghabiskan tempoh kedua cuti musim panas beliau sehingga Ogos 19, lalu.

Semasa menyambut ramai orang yang berkumpul untuk mengalu-alukannya di pintu Villa Barberini — kediamannya untuk beberapa hari — Sri Paus menjawab soalan daripada wartawan media mengenai peristiwa semasa antarabangsa.

Mengenai pertemuan Presiden AS Donald Trump dan Presiden Rusia Vladimir Putin pada Ogos 15, Sri Paus Leo XIV mengatakan, “Kita mesti sentiasa berusaha untuk gencatan senjata. Keganasan, kematian yang ramai, mesti dihentikan. Selepas sekian lama, apakah tujuan perang? Kita mesti sentiasa

mencari dialog, usaha diplomatik, bukan keganasan, bukan senjata.”

Dan apabila ditanya sama ada beliau bimbang tentang kemungkinan penduduk Gaza diusir, Bapa Suci menjawab, “Sudah tentu saya sangat bimbang.”

“Krisis kemanusiaan ini mesti diselesaikan. Kita tidak boleh terus begini. Kita tahu keganasan tidak membawa apa-apa kebaikan dan kita menghormati ramai yang telah terkorban serta tebusan — mereka mesti dibebaskan. Kita juga harus memikirkan ramai yang mati kelaparan akibat peperangan.”

Ketika Sri Paus ditanya apa yang dilakukan oleh Takhta Suci untuk menghentikan konflik-konflik seperti yang berlaku di Gaza, Ukraine dan pelbagai tempat di dunia, prelatus itu menjawab: “Takhta Suci tidak dapat menghentikan mereka... tetapi kami sedang dan sentiasa berusaha dalam pelbagai cara misalnya sentiasa menjemput, berdialog, menggalakkan usaha damai, menolak keganasan melalui rundingan dan menghantar bantuan — kerana konflik-konflik ini tidak dapat diselesaikan melalui perang.”  
**Media Vatikan**

Beberapa perkara dalam hidup adalah sesukar kematian orang muda, terutamanya anak sendiri. Terdapat ramai ibu dan bapa, dengan hati yang hancur, kehilangan seorang anak perempuan, seorang anak lelaki atau seorang cucu. Walaupun masa berlalu dan walaupun ada penghiburan iman, sering kali masih ada luka yang tidak akan sembuh.

Ada sebab mengapa luka ini berterusan, namun ia bukan disebabkan oleh kekurangan iman, tetapi disebabkan kekurangan tertentu dalam alam semula jadi itu sendiri. Alam melengkapkan kita untuk kebanyakan situasi, tetapi ia tidak melengkapkan kita untuk menguburkan anak-anak kita.

Kematian sentiasa sukar. Ini adalah kerana kita pasti, yang mati tidak akan kembali. Kenyataan ini sangat memilukan hati.

Meskipun orang yang meninggal itu sudah tua dan telah menjalani kehidupan yang sempurna namun kita tidak pernah bersedia sepenuhnya untuk menerima kematian orang yang kita sayangi.

Namun alam semula jadi sebenarnya mendorong kita untuk membuat persiapan dalam menghadapi kematian orang tua kita. Kita ditakdirkan untuk mengkebumikan ibu bapa kita.

Begitulah aturan alam semula jadi. Ibu bapa sepatutnya meninggal dunia sebelum anak-anak mereka, dan secara amnya begitulah yang berlaku. Ini membawa kesakitan tersendiri.

Tidak mudah untuk kehilangan ibu bapa, pasangan, adik-beradik atau rakan-rakan. Kematian sentiasa menuntut sesuatu. Walau bagaimanapun, alam semula jadi telah



# Kelukaan akibat kematian



menyediakan kita untuk menangani kematian ini.

Secara metafora, apabila orang tua kita meninggal dunia, terdapat "litar" dalam akal kita apabila kita boleh mengakses untuk memahami serta menerima.

Pada akhirnya, kematian seorang dewasa akan berlaku dan keadaan akan kembali normal kerana ini ialah semula jadi, bahawa seseorang yang dewasa pasti akan mati.

Itulah susunan yang betul. Salah satu tugas hidup adalah untuk mengkebumikan ibu bapa seseorang.

Tetapi adalah tidak wajar bagi ibu bapa untuk menguburkan anak-anak mereka. Itu bukan cara alam semula jadi dalam merancang sesuatu, dan alam semula jadi tidak melengkapkan kita dengan betul untuk tugas itu.

Sekali lagi, saya menggunakan metafora seperti berikut: Apabila salah seorang anak kita meninggal dunia (sama ada disebabkan penyakit semula jadi, kemalangan atau bunuh diri) alam semula jadi tidak menyediakan kita dengan "litar dalaman" yang kita perlukan untuk menghadapi perkara ini.

Isu ini bukan, seperti kematian orang tua kita, ia bukan soal berkabung, kesabaran, dan masa. Apabila salah seorang anak kita

meninggal dunia, kita boleh bersedih, bersabar, memberi masa tetapi kemudian mendapati bahawa luka itu tidak sembuh, masa tidak menyembuhkan dan kita tidak dapat menerima sepenuhnya apa yang telah berlaku.

Seratus tahun yang lalu, Alfred Edward Housman menulis puisi terkenal berjudul, Kepada Seorang Atlet yang Meninggal Muda. Dia berkata begini kepada pemuda yang telah meninggal dunia itu:

*Budak pintar, pemergian mu begitu awal  
Beralih dari sebuah medan di mana kemuliaan tidak kekal.*

Kadang-kadang kematian seseorang yang masih muda membuatkan kita mengingatkannya dalam tempoh yang lama namun jika diberi masa, ingatan itu akan berkurangan. Mati muda adalah mati dalam mekar penuh, dalam keindahan usia muda.

Namun, bagi orang muda yang sedang nazak, keadaan itu tidak sama. Saya tidak pasti sama ada keluarga atau rakan-rakan si sakit akan berkata: *Budak pintar, pemergian mu begitu awal.*

Kesedihan mereka tidak begitu cepat hilang kerana alam tidak menyediakan "litar dalaman" yang diperlukan untuk memproses apa yang mereka perlukan. Kita lebih

cenderung untuk merasakan kegelapan jiwa seperti yang pernah diungkapkan oleh W.H. Auden dalam menghadapi kematian orang tersayang:

*Bintang-bintang tidak diperlukan lagi:  
padamkan cahayanya setiap satu;  
Tutuplah cahaya bulan dan matahari;  
Hilangkan lautan dan hutan;  
Kerana tiada apa pun lagi yang boleh  
membawa kebaikan. (Dua Belas Lagu)*

Apabila salah seorang anak kita meninggal dunia, lebih mudah untuk merasakan apa yang diungkapkan oleh W.H. Auden.

Selain itu, walaupun memahami betapa bertentangan dengan fitrahnya terpaksa menguburkan salah seorang anak sendiri tidak akan mengembalikan anak itu, mahupun memulihkan keadaan seperti biasa, kerana ia adalah tidak normal bagi ibu bapa untuk menguburkan anak.

Walau bagaimanapun, pemahaman itu boleh membawa wawasan tentang mengapa kesakitan itu begitu mendalam dan tidak berkesudahan, mengapa adalah semula jadi untuk merasakan kesedihan yang mendalam, dan mengapa tiada penghiburan atau cabaran yang mudah sangat membantu. Pada akhirnya, kematian anak seseorang tidak mempunyai jawapan.

Ia juga berguna untuk mengetahui bahawa iman kepada Tuhan, walaupun berkuasa dan penting, tidak menghilangkan luka itu. Ia tidak dimaksudkan untuk itu.

Apabila salah seorang anak kita meninggal dunia, sesuatu telah terputus di luar alam semula jadi, umpama anggota badan kita telah dipotong!

Kepercayaan kepada Tuhan boleh membantu kita hidup dengan kesakitan dan ketidaksemulajadian yang kurang sempurna, tetapi ia tidak mengembalikan anggota badan atau menjadikan sesuatu kembali sempurna.

Pada dasarnya, apa yang boleh dilakukan oleh iman adalah mengajar kita bagaimana untuk hidup dengan "kekurangan", bagaimana untuk menerima pelanggaran alam yang tidak dapat diperbaiki itu kepada sesuatu dan seseorang di luar kita, supaya perspektif yang lebih luas ini, hati Tuhan, dapat memberi kita keberanian untuk hidup semula dan sihat bersama luka yang tidak semula jadi. **Hakcipta Terpelihara 1999-2025 @ Fr Ron Rolheiser**

## HARI MINGGU BIASA KE-21

YESAYA 66:18-21  
IBRANI 12:5-7.11-13  
INJIL LUKAS 13:22-30

Orang-orang Yahudi bertanya kepada Yesus, "Tuhan, sedikit sahajakah orang yang diselamatkan?"

Jawapan Yesus jelas: undangan atau tawaran untuk diselamatkan memang terbuka bagi semua, namun pintu masuknya sempit dan tidak boleh dianggap secara acuh tak acuh.

Jika anda pernah mengenal Yesus, pernah mendengar ajaran-Nya dan sebagainya, semua itu tidak cukup. Sebab semuanya itu sebenarnya menuntut kewajiban dan melaksanakan apa yang telah diterima dan diketahui.

Yesus menawarkan keselamatan-Nya kepada Israel, orang-orang Yahudi sebagai bangsa terpilih, Yesus menawarkan mereka untuk memasuki Kerajaan-Nya. Tetapi mereka menolak-Nya!

Apakah ertinya diselamatkan? Untuk diselamatkan sebagai orang Kristian, kita harus mengakui dan mengenal Yesus

## Di luar Kristus tiada keselamatan

sebagai Guru kita.

Injil hari ini menerangkan kepada kita, bahawa Yesus bukan sengaja atau sukanya menyebut diri-Nya sebagai Tuhan dan memanggil sahabat-sahabat-Nya sebagai pengikut-Nya. Kita diundang memikirkan kembali apa ertinya menjadi orang Kristian, apa erti Kerajaan Tuhan yang mahu menyelamatkan kita.

Injil hari ini cukup tegas: orang yang kita sangka tidak akan diselamatkan dan diterima di dalam Kerajaan Tuhan, sebaliknya menjadi yang pertama membolosi atau memasuki pintu yang sempit itu.

Keselamatan ialah suatu perjalanan sepanjang hidup. Dalam perjalanan itu kita harus menjadi sahabat Tuhan, sahabat Yesus, sahabat sesama manusia yang menempuh jalan kehidupan yang sama.

Perjalanan ini harus bersifat transfor-

matif, mengubah sikap hidup kita, mengubah cara kita berfikir, bertindak, terbuka dan peka terhadap sesama, bukan bangga dengan hati yang sempit dan kedekut!

Makin sempit pandangan kita, makin sempit pula hati kita, maka makin sempit lagi juga pintu yang harus kita lalui untuk masuk ke dalam Kerajaan Tuhan.

Sri Paus Yohanes Paulus II dalam ensikliknya "Redemptio Missio" (Perutusan Penebusan) menegaskan, bahawa anugerah keselamatan Tuhan tidak hanya terbatas bagi mereka, yang rasmi mengakui Kristus dan menjadi anggota Gereja-Nya.

Keselamatan Tuhan ditujukan kepada semua orang, segenap umat manusia. Tetapi kita harus sedar bahawa kese-

lamatan yang ditawarkan Tuhan kepada manusia bukanlah suatu automatik dan bukan diberi berdasarkan formalisme. Tidak cukup dibaptis sambil mengakui Kristus sebagai Penyelamat maka kita sudah yakin dapat memasuki pintu sempit untuk memasuki Kerajaan Tuhan.

Gereja tidak lagi mengatakan "extra Ecclesiam nulla salus" (di luar Gereja tiada keselamatan) tetapi yang ditegaskan ialah "extra Christum nulla salus" (di luar Kristus tiada keselamatan).

Setiap orang Kristian sejati akan bertanya secara jujur: "Apakah aku ini diselamatkan?"

Kita percaya dan yakin, bahawa Kristus pada dasarnya telah menebus kita. Keselamatan kita sudah tersedia. Tetapi sejauh manakah kita menyedari hal ini.

Pesan Injil Lukas hari ini kepada kita ialah: mari kita menyedari secara sungguh-sungguh dan jujur keberadaan hidup kita sebagai orang Kristian sejati, bukan kerana kita telah menerima pembaptisan dan krisma, sebaliknya lebih kepada kejujuran dan kesungguhan pelaksanaan, penghayatan hidup dan perilaku dan tidak ada 'berhala' dalam hati kita sebagai pengikut Kristus. Amin.

**Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**



BENTONG: Seramai 50 orang peserta telah menyertai Program Outreach yang dianjurkan oleh Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate (ABMA) di Gereja Sacred Heart, pada Ogos 2 yang mengangkat tema inspiratif “Aku Datang Untuk Melayani, Bukan Dilayani” (Matius 20:28).

Sr Irene Chengann, SFSS, dalam kata-kata pembukaannya menjelaskan bahawa sesi formasi ini merupakan sambungan kepada sesi formasi “Pengalaman Kerohanian Komuniti” yang telah diadakan tahun lepas.

Dalam sesi pertama iaitu “Analisis SWOT Komuniti” oleh Sdri Velarie Nozie, membimbing peserta mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang wujud dalam komuniti mereka.

Objektif utama sesi ini adalah untuk meningkatkan kesedaran setiap peserta akan kekuatan dan kelemahan mereka dalam pelayanan, mengenalpasti peluang dan ancaman dalam pelayanan bagi mempersiapkan mereka dalam menghadapi cabaran dengan lebih berani.

“Hubungan Saya dan Yesus” merupakan sesi kedua yang disampaikan oleh Sdri Elena Woo. Sesi



# Misi outreach ABMA ke Bentong

ini menyelami kepentingan hubungan peribadi dengan Yesus. Elena berkongsi pengalaman peribadinya dalam menghadapi masa sukar dan keraguan, bagaimana melalui ujian tersebut sehingga imannya semakin teguh dan diperbaharui.

Sesi ini menggariskan bahawa hubungan yang mendalam dengan Yesus adalah sumber kekuatan untuk mengatasi segala rintangan dalam kehidupan, sama ada dalam konteks keluarga, pekerjaan, ma-

hupun pelayanan. Hanya melalui Yesus, peserta ditegaskan, dapat merasai kasih Tuhan yang sejati dan sempurna.

Sesi terakhir, “Percaya dan Komitmen” oleh Sdra Egbert Adolf, yang mengingatkan para peserta bahawa pelayanan sejati berakar pada kerendahan hati, penyerahan diri, dan kesanggupan untuk melayani sesama dalam kasih Kristus, melampaui kedudukan atau pujian.

Dalam sesi “Komitmen” iaitu sesi

kemuncak program ini, para peserta didorong untuk melakukan refleksi peribadi dan menetapkan resolusi mereka menggunakan kerangka “MULA-HENTI-TERUSKAN”.

Setiap individu diminta menyenaraikan:

- Tiga perkara yang akan mereka MULAKAN untuk mendalami hubungan peribadi dengan Yesus.
- Tiga perkara yang perlu mereka HENTIKAN agar dapat mendalami hubungan dengan Yesus.

● Tiga perkara yang perlu mereka TERUSKAN demi memupuk hubungan yang lebih erat dengan Yesus.

Inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuh komitmen peribadi setiap peserta dalam perjalanan iman mereka.

Program Outreach ini diakhiri dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh paderi paroki Sacred Heart Bentong, Fr Clement Lim. **Elena Woo, ABMA**

HULU SELANGOR: Baru-baru ini, Gereja St Paul the Apostle Kuala Kubu Bharu (KKB) telah merayakan pelbagai perayaan sukacita selama empat hari.

Antara perayaan sukacita itu ialah merayakan Santo Pelindung bagi Gereja KKB dan pesta Kaamatan dan Gawai (KAGAPE).

Pada hari pertama, dengan tema “Sto Paulus, Pewarta Injil Pengharapan”, Fr Michel Dass semasa memimpin Misa Kudus menekankan peranan Sto Paulus dalam membawa Injil pengharapan kepada semua yang mendengar tentang kasih penebusan Yesus Kristus.

Sementara itu, pada hari kedua perayaan, Fr Jonathan Rao dari Rawang berkongsi tentang Hati Kudus Yesus dengan tema “Hati Kudus Yesus, Pemberi Harapan”.

Paderi paroki, Fr VA Michael adalah penggerak dalam perayaan “KAGAPE” pada hari ketiga apabila kira-kira 300 umat beriman telah hadir.

Hari kemuncak ialah hari keempat perayaan dirayakan dengan Misa dalam Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris.

Sebelum Misa, diadakan sesi pujian dan penyembahan selama 20 minit, diikuti dengan Litani Sto Paulus. Doa rosari juga diadakan sebelum Misa penyembuhan dalam Bahasa Tamil.

Semasa menyampaikan homili, Fr VA berkata, “hendaklah kita menjadi seperti Paulus dan Petrus yang gigihewartakan Berita Baik tentang Yesus Kristus ke seluruh pelosok dunia.”

Katanya lagi, “Umat Kristian tidak boleh hanya memerhati se-



## Sto Paulus pewarta Injil Pengharapan

baliknya kita dipanggil untuk mula berjalan dan keluar menyampaikan Berita Baik kepada orang lain.”

“Teladanilah Sto Paulus yang mengembara secara meluas di seluruh Empayar Roma, termasuk kawasan Asia Kecil dan lain-lain demi memberitakan Kristus.”

“Cukuplah bercakap tentang sinodaliti. Jika kita tidak menginjil, kita mungkin akan berakhir seperti Turki,” kata Fr VA.

“Pada zaman Sto Paulus, majoriti penduduk Turkiye (Turki) merupakan penganut Kristian. Namun kini, majoriti penganut Kristian menjadi minoriti iaitu kira-kira 0.4%, kerana ramai yang berhijrah, tiada kesinambungan kepimpinan, semangat misi telah hilang dan kekurangan penginjilan,” ujar Fr VA.

“Sudah tiba masanya kita berhenti menjadi Gereja yang sekadar mengekalkan keadaan sedia ada dan beralih menjadi Gereja misionari.” Seperti Petrus dan Paulus yang berjalan dan

menghadapi penderitaan serta cabaran, namun mereka memikul salib mereka dan berkongsi Berita Baik.”

“Ajaklah Yesus untuk tinggal dalam diri kita kerana Yesus akan menyentuh setiap daripada kita dan menyembuhkan kita. Jangan menjauhkan diri daripada-Nya sebaliknya bangkit dan berjalan bersama Yesus untuk memberi makan kepada domba-domba yang akan ditunjukkan oleh Yesus kepada kita,” tegas Fr VA.

Mereka yang telah meninggalkan iman Menariknya, semasa persembahan (*Offertory*), umat membawa sebuah glob dan Alkitab dibawa ke hadapan altar.

Glob itu untuk mengingatkan kita bahawa kita mesti menjadi penginjil seperti Paulus untuk menyampaikan Berita Baik ke seluruh pelosok dunia manakala Alkitab mengingatkan umat tentang keperluan membaca danewartakan firman Tuhan kepada semua.

## Gereja St James Rasul, simbol keharmonian masyarakat pelbagai agama



KENINGAU: Gereja St James Rasul, Kampung Ponindukan, Keningau akhirnya dirasmikan pada Julai 27 oleh Msgr Gilbert Lasius.

Turut diberkati pada hari tersebut adalah *Grotto Bonda Maria*.

Dalam ucapannya selepas Misa Kudus, Msgr Gilbert mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Pengerusi Komuniti Umat Katolik (KUK) St James Rasul iaitu Sdra Daniel, para katekis dan umat kerana telah berusaha membangun serta menyiapkan Gereja tersebut.

Pengerusi KUK, Sdra Daniel dalam ucapannya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada para belia dan para katekis yang tidak pernah lelah untuk melayani di Ger-

reja tersebut.

“Meskipun lokasi Gereja ini jauh dari Katedral St Francis Xavier dan pekan Keningau, namun para pelayan Tuhan ini tetap datang untuk memberikan pelayanan terbaik mereka demi umat di sini,” kata Sdra Daniel.

Selepas Misa, Msgr Gilbert menyertai umat untuk majlis persaudaraan.

Kampung Ponindukan merupakan antara kampung yang mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Liawan, Datuk Annuar Ayub Aman, seperti yang dilaporkan oleh media tempatan Julai 22, kerana sumbangannya membangunkan Gereja baharu Sto James Rasul – simbol keharmonian masyarakat berbilang agama. **Juanis Marcus**



## Identiti katekis dalam pelayanan Gereja

KOTA KINABALU: “Ada Yesus, ada sukacita. Ada Yesus, ada harapan. Itulah Sukacita Injil, kata Fr Terans Thadeus kepada lebih 100 katekis yang merayakan Jubli Katekis sempena bulan Ogos ini.

Bertempat di Dewan Paroki Katedral Hati Kudus, Karamunsing,

sesi renungan bersama Fr Terans itu dimulakan dengan upacara Pentakhtaan Alkitab.

Dianjurkan oleh Komiti Pastoral Bahasa Malaysia Katedral Hati Kudus, para katekis juga akan menyambut kemuncak Jubli Katekis pada penghujung bulan Ogos ini.


Sukacita Injil merupakan Seruan Apostolik mendiang Sri Paus Fransiskus, diterbitkan pada November 2013.

Bapa Suci Fransiskus menekankan dalam Seruan Apostolik itu bahawa “Bersama Kristus, sukacita senantiasa dilahirkan kembali.”

# Sahabat kecil Yesus

Lengkapkan petikan Injil berikut:

Lukas 13:24



..... untuk ..... melalui ..... yang ..... itu.  
 ..... orang akan ..... untuk masuk, tetapi  
 tidak akan dapat.

Hello anak-anak,  
 Dalam pembacaan Injil pada hari Minggu ini, Yesus bercerita tentang orang yang mengetuk pintu, tetapi sudah terlambat. Pintu apakah yang dibicarakan oleh Yesus?  
 Pintu itu ialah pintu ke syurga. Semua orang mahu masuk syurga, tetapi hanya ada satu pintu dan Yesus berkata pintu itu sangat sempit. Yesus berkata bahawa kita harus berusaha bersungguh-sungguh untuk masuk melalui pintu yang sempit itu.  
 Ini adalah kerana jika pemilik rumah menutup pintu, maka kita akan hanya dapat berdiri di luar. Meskipun kita merayu, pintu itu tidak akan dibuka!  
 Namun begitu, antie percaya anak-anak semua pasti akan dapat melalui pintu itu meskipun sempit!  
 Ini adalah kerana anak-anak merupakan anak-anak-Nya yang dikasihi Tuhan dan selalu meletakkan kepercayaan kita kepada-Nya.  
 Salam sayang  
 Antie Melly

Cari makna simbol-simbol di bawah dan tulis jawapan yang betul di kotak yang disediakan.

terdahulu  
 = terakhir  
 = orang

Dan sesungguhnya  
 ada orang yang  
 yang akan  
 menjadi   
 yang   
 dan ada   
 yang   
 yang akan menjadi  
 yang

Cari SEMBILAN perbezaan pada gambar di bawah.





CHERAS: Sempena Hari Warga Emas Sedunia, pelajar katekismus Tingkatan 4 Gereja Divine Mercy, Shah Alam telah mengunjungi Rumah Warga Emas St Francis Xavier, Cheras yang dikendalikan oleh *Little Sisters of the Poor*.

Kunjungan itu mengumpulkan 50 orang pelajar, beberapa orang ibu bapa dan katekumen untuk bersama-sama berbual dan menghiburkan penghuni warga tua.

Lawatan itu dimulakan dengan doa rosari di kapel Pusat Warga Tua.

Kemudian, para pelajar dan warga emas berkumpul di dewan dalam suasana seperti karnival.

### Pelajar hargai kebijaksanaan warga tua



Pelbagai permainan yang ringkas tetapi menarik telah diatur, direka bukan sahaja untuk hiburan tetapi juga untuk memupuk ikatan antara generasi. Dari permainan baling cincin hingga larian belon, gelak tawa bergema apa-

bila pelajar membimbing dan bersorak memberi semangat kepada warga emas yang mengambil bahagian.

Bagi golongan muda yang menyertai lawatan itu, ia adalah pengalaman yang membuka mata – peringatan tentang keindahan dan kebijaksanaan yang datang dengan usia, dan kepentingan menghormati mereka yang telah membina jalan yang mereka lalui sekarang.

Salah seorang pelajar berkongsi bahawa, “Kami datang untuk membawa kegembiraan kepada warga tua namun ketika kami pulang, kami menyedari kami pulang dengan berkat!”

# PENZIARAH MUDA MALAYSIA, KEMBALI DENGAN IMAN DIPERBAHARUI



Sarahlyn Germanus Tubong, Keuskupan Agung Kota Kinabalu

Menyertai ziarah Jubli Belia di Roma adalah salah satu rahmat terbesar dalam hidup saya.

Saya bertemu dengan Paus Leo XIV, Duta Besar Malaysia ke Takhta Suci, melintasi keempat-empat Pintu Suci, dan berdoa di makam mendiang Sri Paus Fransiskus.

Semasa Misa harian di Kapel Sforza di Santa Maria Maggiore, sayaewartakan Mazmur dalam bahasa Melayu.

Semasa berada di Roma, saya bertemu dengan seorang peziarah muda dari Lithuania yang mempunyai pang-

gilan kuat menjadi paderi dan seorang diakon dari Perancis yang bakal ditahbis menjadi paderi. Perjalanan yang panjang ke Tor Vergata sangat berbaloi biarpun keletihan kerana dapat berlutut dalam Penyembahan Ekaristi Kudus dan merayakan Misa bersama Bapa Suci Leo XIV.

Saya pulang ke rumah dengan hati yang diperbaharui, bertekad untuk menghidupi iman saya dengan lebih berani dan untuk memberi inspirasi kepada anak muda lain agar berjalan dengan berani menuju Kristus. **Cliffson Ashley, Keuskupan Agung Kuching**



Cliffson Ashley, Keuskupan Agung Kuching

ROMA: Jubli Belia, Misionari Digital dan Pempengaruh Katolik telah berlangsung di Roma dari Julai 28 hingga Ogos 3 lalu.

Lebih 100 belia dari Malaysia telah menyertai acara “iman dan persahabatan” itu.

Berikut merupakan perkongsian pengalaman beberapa belia yang menyertai acara jubli itu di Roma:

“Saya rasa diberkati kerana dapat menjadi sebahagian daripada Jubli Belia 2025 di Roma. Dikelilingi oleh begitu ramai anak muda dari seluruh dunia termasuk Kontin-

jen Malaysia kita, bersatu dalam iman dan kegembiraan, benar-benar memberi inspirasi. Doa, perayaan, dan pertemuan itu mengingatkan saya akan keindahan Gereja kita dan harapan yang kita bawa untuk masa depan.

Sri Paus Leo menjemput semua belia untuk berjalan bersama dalam iman, berdoa untuk keamanan dan menjadi saksi pendamaian Kristus dan saya bersedia untuk melaksanakannya. **Sarahlyn Germanus Tubong, Keuskupan Agung Kota Kinabalu**



Cliff Luke Wong Jinn Hang, Keuskupan Melaka Johor

Saya berasa rendah hati untukewartakan Mazmur dalam Basilika Sto Paulus di Luar Tembok, detik yang tidak dapat dilupakan dalam pelayanan liturgi di hadapan Tuhan.

Bertemu dengan Paus Leo XIV yang dikasihi beberapa kali memberi saya gambaran sebenar peranan Gembala Gereja yang berhati hamba.

Merayakan Ekaristi bersama Bapa Suci Leo dan lebih sejuta kaum muda Katolik, membuatkan saya bangga kerana Gereja Katolik ialah Gereja sejagat, yang meraikan persekutuan dan keindahan iman bersama belia dari setiap benua.

Saya juga sangat gembira kerana berpeluang bertemu dengan pemimpin-pemimpin Katolik terkenal dan penginjil digital, terutamanya Uskup Robert Barron, yang melalui penginjilan digitalnya, telah membantu memantapkan dan menyuburkan iman saya.

Sebagai seorang pemuda yang sedang meneliti panggilan saya, saya kembali dengan azam yang diperbaharui untuk menawarkan diri agar dapat dipilih dan dipanggil oleh Tuhan untuk bekerja di ladang-Nya!

Ziarah ini bukan sebagai peristiwa yang berlalu, tetapi sebagai saat yang perlu dihayati setiap hari dalam semangat Totus Christus, bersatu sepenuhnya dengan Kristus Kepala dan memberikan pelayanan seikhlasnya kepada Tubuh-Nya iaitu Gereja. **Cliff Luke Wong Jinn Hang, Keuskupan Melaka Johor**

Pada musim panas ini, sebagai seorang penziarah berusia 19 tahun, saya menjejakkan kaki buat kali pertama di Eropah, di Kota Abadi Rom, untuk Jubli Belia 2025.

Acara besar ini meninggalkan kesan yang tidak dapat dipadamkan dalam jiwa saya, memperdalamkan lagi makna kekudusan dan membawa pencerahan tentang panggilan Tuhan.

Melintasi empat Pintu Suci basilika utama adalah lebih daripada sekadar tindakan simbolik.

Ia adalah pengakuan iman, pertaubatan dan rahmat Tuhan yang tidak henti bergema, “Bukankanlah bagiku pintu kebenaran, supaya aku dapat masuk ke dalamnya dan bersyukur kepada Tuhan” (Mazmur 118:19–20).

## Berita singkat antarabangsa

**Tiga banduan berpeluang sertai ziarah, bertemu Sri Paus**

ROMA: Tiga banduan dari Penjara Santa Maria Maggiore di Venice, merupakan antara peserta ziarah dari Keuskupan Agung Venice yang berpeluang bertemu dengan Sri Paus Leo baru-baru ini.

Ziarah termasuk berjalan kaki dari bandar Terni di Itali menuju ke Roma. Para penziarah itu diiringi Uskup Agung Venice, Uskup Agung Francesco Moraglia; dan kapelan penjara, Fr Massimo Cadamuro.

Enrico Farina, Pengarah Penja-

ra Santa Maria Maggiore, mengatakan, "saya sangat bersyukur kerana tiga orang tahanan dibenarkan mengambil bahagian "dalam perjalanan manusia dan rohani yang mendalam".

Beliau menyatakan bahawa banduan telah diberikan diari yang mengandungi renungan dan doa bagi mereka menulis ziarah yang sangat bermakna ini.

Dan jika tiga orang tahanan itu membenarkan, pengalaman itu akan dikongsi dengan umat lain. Media Vatikan

### Komiti Hari Kanak-kanak Sedunia dipindahkan ke Dikasteri Keluarga

VATIKAN: Daripada sebuah organisasi yang berada di bawah kuasa langsung Sri Paus, Jawatankuasa Kepausan untuk Hari Kanak-kanak Sedunia — yang ditubuhkan tahun lalu oleh Sri Paus Fransiskus, kini telah diletakkan di bawah jajaan Dikasteri untuk Orang Awam, Keluarga dan Kehidupan.

Keputusan ini dibuat oleh Sri Paus Leo XIV selepas bertemu dengan Timbalan Setiausaha Negara, Uskup Agung Edgar Peña Parra, pada Ogos 6 dan diumumkan secara umum dalam *Rescript*. Dalam dokumen itu—yang

dikeluarkan pada Ogos 9, menyatakan bahawa, "Peruntukan Unggul ini hendaklah disampaikan kepada kedua-dua Institusi yang berkenaan supaya mereka dapat melaksanakan proses peralihan."

Hari Kanak-kanak Sedunia dimulakan oleh Sri Paus Fransiskus pada November 20, 2024.

Acara ini, yang diilhamkan oleh Hari Belia Sedunia (HBS), bertujuan untuk mengumpulkan kanak-kanak dari seluruh dunia untuk perhimpunan iman, muzik dan kesaksian. Media Vatikan

### Caritas Vietnam lindungi generasi masa depan daripada pemerdagangan manusia

HO CHI MINH: Memandangkan Vietnam adalah salah satu negara dengan bilangan pengguna media sosial tertinggi, Caritas sedang berusaha untuk mencegah kes pemerdagangan manusia dengan menawarkan bimbingan kepada golongan muda di paroki.

Antara tahun 2008 dan 2023, jumlah mangsa pemerdagangan manusia di seluruh dunia meningkat empat kali ganda, melonjak daripada 30,000 kepada hampir 134,000, menurut laporan oleh Statistik pada Jun tahun ini.

Pada masa kini, penyeludup tidak perlu bertemu mangsa secara fizikal untuk memujuk dan menipu mereka.

Platform media sosial telah menjadi "tanah subur" bagi penjenayah.

Penipuan dalam talian telah menyebabkan ramai rakyat Vietnam berpindah ke negara jiran seperti Kemboja, Laos, Myanmar, dan China, menyebabkan krisis nasional dan isu sosial yang serius.

Caritas Hue di Vietnam sedang berjuang kembali dengan menawarkan panduan dan maklumat yang melalui Jawatankuasa Pencegahan Penghijrahan Tidak Selamat dan Pemerdagangan Manusia, dengan tumpuan khusus untuk memerangi maklumat salah yang sering ditemui dalam talian. LiCAS News

### ACN sertai Pemimpin Umum berdoa dan puasa demi keamanan dunia

BERLIN: Yayasan kepausan *Aid to the Church in Need* (ACN) menyertai Kesatuan Antarabangsa Pemimpin-pemimpin Umum Religius dalam seruannya untuk berdoa dan berpuasa demi keamanan dunia pada Ogos 14 lalu iaitu malam sebelum Hari Raya Besar Santa Perawan Maria diangkat ke Syurga.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan pada Ogos 13, Regina Lynch, presiden eksekutif ACN *International*, berkata: "Di mana sahaja terdapat konflik, wanita dan kanak-kanak dipinggirkan, dan selalunya mereka yang paling menderita. Religius sering

berada di barisan hadapan peperangan, membantu mereka yang tidak bersalah, dalam apa jua cara yang mereka mampu, tanpa mengira keselamatan diri mereka.

Merujuk kepada peperangan yang berleluasa di seluruh dunia, termasuk di Gaza, Sudan, Ukraine, dan Republik Demokratik Congo, Kesatuan Antarabangsa Pemimpin Umum yang terdiri daripada 1,903 Pemimpin Umum kongregasi religius wanita dari seluruh dunia — pada Ogos 14 lalu, menyeru dunia untuk bersatu dalam sehari berpuasa dan berdoa. CNA

# Pendidikan Katolik ambil perhatian keganasan pelajar



BANGKOK: Seorang pegawai pendidikan Katolik menggesa keganasan yang berlaku di sekolah harus ditangani dengan cermat dan belas kasihan.

"Keselamatan, keadilan, dan menangani punca akar," kata Fr Paolo Eakarot Hompatum, Setiausaha Agung Majlis Pendidikan Katolik Thailand (CECT).

Paderi itu membuat ulasan demikian susulan liputan meluas terhadap seorang guru yang dibelasah oleh pelajar berusia 17 tahun di wilayah Uthai Thani.

"Nilai-nilai Katolik menyeru kita untuk menghormati maruah setiap orang, walaupun dalam saat-saat konflik. Kita mesti menggalakkan pengampunan dan perdamaian sambil memastikan individu bertanggungjawab. Ini termasuk langkah keselamatan segera, keadilan, pemulihan dan sokongan berterusan untuk pelajar dan guru," kata paderi itu.

Kenyataan Fr Paolo dibuat ketika CECT sedang bersiap untuk seminar tahunan yang mengumpulkan pentadbir sekolah Katolik dari seluruh negara — termasuk uskup, paderi, religius dan pemimpin awam — di bawah tema, "Jubli, Ziarah Sekolah Katolik dengan Harapan untuk Masyarakat."

Rakaman CCTV menunjukkan detik seorang pelajar didakwa me-

nyerang seorang guru di wilayah Uthai Thani.

Serangan itu berlaku pada Ogos 5, apabila pelajar tersebut menyerang seorang guru matematik wanita selepas mempertikaikan markah peperiksaan pertengahan penggalnya.

Laporan menyatakan bahawa budak itu mendekati guru untuk mempersoalkan mengapa dia mendapat 18 daripada 20 markah walaupun mempunyai jawapan yang betul.

Guru itu menjelaskan bahawa markah pelajar itu ditolak kerana gagal menunjukkan proses kerja, seperti yang diperlukan, dan mencadangkan agar pelajar itu merujuk kepada guru lain mengenai kriteria pemarkahan.

Pelajar itu dilaporkan meninggalkan bilik darjah dua kali sebelum kembali untuk kali ketiga, menuntut guru itu memohon maaf.

Apabila guru itu enggan, pelajar itu menumbuk dan menendang guru itu berulang kali.

Guru itu mengalami bengkak di kepala, lebam di sekeliling mata, dan kecederaan tulang rusuk yang serius. Dia kemudian membuat aduan polis.

Insiden itu hanya diketahui umum pada Ogos 10, apabila rakaman CCTV yang dikongsi oleh guru lain menjadi tular di media sosial,

mencetuskan kemarahan dan perdebatan di seluruh negara mengenai nilai pendidikan, disiplin, dan didikan moral di Thailand.

Ibu bapa pelajar itu memohon maaf kepada guru dan sekolah telah menggantung persekolahan pelajar tersebut.

Guru tersebut telah menolak temu bual tetapi mengesahkan bahawa dia akan mengambil tindakan undang-undang sepenuhnya.

Pemimpin pendidikan telah memberi amaran bahawa kes itu mendesak sistem pendidikan dan disiplin yang lebih berkesan.

Dr Virachai Techavijit, pengerusi Sekolah Antarabangsa, berkata kurikulum Thailand "menekankan pencapaian peribadi tanpa memupuk pemahaman tentang peranan kewarganegaraan global atau empati," menghasilkan pelajar yang "mungkin cemerlang dalam akademik tetapi kurang rasa hormat terhadap orang lain, mengakibatkan pelajar terdorong menggunakan penipuan atau kekerasan untuk mendapatkan apa yang mereka mahu."

Kes ini telah mendorong panggilan baharu untuk pembaharuan dalam penyelesaian konflik, pendidikan moral, dan perkembangan emosi di sekolah-sekolah Thailand. LiCAS News

## Uskup Katolik Indonesia desak toleransi antara agama

JAKARTA: Uskup-uskup Katolik Indonesia telah menggesa kerajaan pusat di Jakarta untuk bertindak tegas terhadap semua bentuk intoleransi, terutamanya yang melibatkan keganasan kerana ia merupakan kesalahan jenayah.

Para Uskup menggesa agar "tada siapa pun harus terlepas daripada hukuman jika mereka melakukan tindakan anarkis, terutamanya jika ia menyasarkan aktiviti doa dan ibadat di mana-mana bahagian di Indonesia.

Rayuan mereka, yang disampaikan semasa sidang akhbar di ibu pejabat Persidangan Uskup, dibuat berikutan beberapa serangan baru-baru ini terhadap tempat ibadat dan institusi yang berkaitan dengan komuniti Kristian.

Ia ditandatangani bukan sahaja

oleh pemimpin Katolik, tetapi juga oleh Majlis Tertinggi Agama Konfusianisme (MATAKIN), dan oleh wakil Buddha dan Protestan, mencerminkan kesatuan bersatu dalam kalangan komuniti agama di Indonesia.

Penyataan bersama itu mengingatkan bahawa kebebasan beragama dan beribadat termaktub dalam Perlembagaan Indonesia 1945 dan dijamin di bawah Perkara 28 dan 29.

Oleh itu, ia mengesahkan kewajipan Negara, melalui penguatkuasaan undang-undang dan pihak berkuasa tempatan, untuk "campur tangan dengan tegas" bagi memastikan episod sedemikian tidak berulang. Insiden terkini termasuk pemusnahan beberapa tempat ibadat Kristian dan serbuan ke atas

sebuah sekolah Protestan. Rayuan itu menyeru pihak penguatkuasa undang-undang dan kehakiman untuk mencegah dan menyiasat secara menyeluruh setiap tindakan keganasan, keengganan, halangan, atau kemusnahan tempat yang digunakan untuk berdoa.

Bagi para penandatanganan, menjaga kebebasan beragama memerlukan komitmen semua pihak: institusi kerajaan, Forum Kerukunan Umat Beragama (FKUB), dan masyarakat secara keseluruhan.

Mereka menegaskan bahawa tempat ibadat mesti sentiasa kekal sebagai "ruang kedamaian, keselamatan, dan maruah," dan menggesa pemimpin agama untuk menggalakkan umat mereka agar tidak terprovokasi oleh retorik yang memecahbelahkan. LiCAS News

# Pada titik paling gelap, cahaya Kristus tidak padam

VATIKAN: Pope Leo XIV semasa Audiens Umum hari Rabu pada Ogos 13 berkata bahawa Injil tidak mengajar orang untuk menafikan kejahatan tetapi untuk menyedari hakikatnya sebagai peluang untuk bertaubat.

Meneruskan katekesis jublinya mengenai "Yesus Kristus Harapan Kita," Bapa Suci menyambung renungannya mengenai Perjamuan Terakhir seperti yang tercatat dalam Injil Markus.

Walaupun Yesus tidak "meninggikan suara" mahupun "menuding jari" kepada Yudas, Dia menggunakan "kata-kata yang tegas" untuk mendedahkan keseriusan pengkhianatannya.

"Yesus tidak mengutuk untuk merendahkan Yudas. Dia bercakap benar kerana dia ingin menyelamatkan."

Disebabkan cuaca panas terik, Audiens bersama Sri Paus diadakan di Dewan Audiens Paulus VI di Vatikan. Sri Paus Leo juga menyambut umat yang tidak dapat muat di dalam dewan.

Bapa Suci berkata Yesus tidak bercakap untuk "menghukum" tetapi untuk membantu murid-murid-Nya menyedari bahawa pertaubatan dan "perjalanan keselamatan" bermula dengan menerima realiti secara tulus iaitu kita manusia lemah dan rapuh.

"Untuk diselamatkan, adalah perlu



untuk merasakan bahawa seseorang itu dikasihi dan mengetahui bahawa kejahatan memang sebuah realiti tetapi kejahatan tidak mempunyai kata akhir," katanya.

"Injil tidak mengajar kita untuk menafikan kejahatan tetapi untuk mengenalinya sebagai peluang yang menyakitkan untuk bertaubat serta membetulkan kesilapan," tambahnya.

Sri Paus Leo menyeru umat agar tidak "mengecualikan" diri mereka daripada kasih dan keselamatan Tuhan.

"Penderitaan, kematian dan kebangkitan Yesus adalah sebab untuk kita terus berpegang kepada harapan walaupun kita mempunyai dosa dan kelemahan

diri sendiri. Pada titik paling gelap, cahaya Kristus tidak akan padam sebaliknya, ia terus bersinar."

"Jika kita menyedari keterbatasan kita, jika kita membiarkan diri kita disentuh oleh Kristus, maka kita akhirnya boleh bangkit semula," ujar Sangti Papa Leo.

Pada akhir katekesisnya, Bapa Suci menggalakkan umat Kristian untuk "membuka ruang bagi kebenaran dalam hati kita" dan "mempercayai Yesus, yang tidak pernah meninggalkan mana-mana murid-Nya, walaupun Dia tahu bahawa Dia akan "ditinggalkan bersendirian" selepas Perjamuan Terakhir untuk menanggung penderitaan-Nya. **Media Vatikan**

## Jus rohani untuk jiwa

Salah satu doa yang paling pendek tetapi paling berkesan yang boleh kita doakan ialah doa tradisional "Kemuliaan".

*Kemuliaan kepada Bapa,  
Putera dan Roh Kudus,  
seperti yang permulaan,  
sekarang ada dan  
sepanjang segala masa.  
Amin*

Katekismus Gereja Katolik mengajar kita bahawa kemuliaan Tuhan terletak pada realisasi manifestasi dan komunikasi kebaikan Tuhan (lihat KKK 294). Apabila kita berdoa "Kemuliaan", kita sedang mengiktiraf pengalaman kita tentang kebaikan Tuhan yang dikongsi dengan begitu murah hati.

Kardinal Raneiro Cantalamessa menegaskan bahawa kemuliaan Tuhan tidak lain hanyalah kemuliaan mengasihi manusia secara percuma.

Pada masa yang sama, beliau mengingatkan kita bahawa "dosa asas ialah keengganan untuk memuliakan Tuhan. Dengan enggan memuliakan Tuhan, manusia menjadi terhalang daripada kemuliaan Tuhan. Jadi kita mahu berdoa Kemuliaan bagi-Nya dengan bersempurna-sungguh dan kerap.

Ketika berdoa "Kemuliaan kepada Bapa", kita memuliakan Tuhan kerana mengasihi kita. Kita memuliakan Bapa apabila kita mengakui bahawa Bapa mengetahui perkara terburuk tentang kita, tetapi Dia menggunakan pengetahuan itu untuk mengasihi kita lebih lagi, kerana kita memerlukan Dia untuk mengasihi kita lebih sebagai anak-Nya.

Untuk memuliakan Bapa adalah untuk mengisytiharkan bahawa kita dikasihi semata-mata kerana kita adalah milik-Nya.

Fr Francis Martin menulis bahawa "kemuliaan adalah kasih yang dinya-



## Doa Kemuliaan: Singkat tetapi ampuh!

takan apabila Yesus menyerahkan diri dalam ketaatan sepenuhnya kepada kehendak Bapa."

Dengan berdoa "Kemuliaan bagi Bapa" adalah untuk memohon agar dikurniakan rahmat untuk menyerahkan diri kita, seperti Yesus, kepada Bapa dalam ketaatan sepenuhnya kepada kehendak-Nya.

Dengan berdoa "Kemuliaan kepada Putera," ia bermaksud, seperti yang dinyanyikan oleh liturgi Bizantin, "Kemuliaan bagi kehadiran aktif providensimu dalam hidup kami, Ya Kristus Raja kami: melalui-Nya, Engkau telah usahakan keselamatan bagi semua."

Uskup Massimo Camisasca menyatakan bahawa "kita memuliakan Tuhan dengan membiarkan diri kita ditarik ke dalam tindakan kasih yang telah disempurnakan di atas salib."

Seperti yang dikatakan oleh Sto Ambrose: "Aku tidak akan bermegah kerana aku telah ditebus. Aku tidak akan bermegah kerana saya bebas daripada dosa, tetapi kerana dosa saya telah diampuni. Aku tidak akan bermegah kerana aku menguntungkan atau kerana sesiapa sahaja menguntungkan

bagiku, tetapi kerana Kristus adalah pembela bagiku di hadapan Bapa, kerana darah Kristus telah dicurahkan bagiku."

Kita memuliakan persahabatan Anak Tuhan dengan kita! Kita memuliakan Kehadiran Sebenar Putera yang tidak pernah gagal!

Dan dengan mendoakan "Kemuliaan bagi Roh Kudus" kita memohon kepada Orang Ketiga dalam Tritunggal Kudus untuk datang ke dalam hati kami dan mengambil alih seluruh kewujudan kita.

Apabila kita memuliakan Tuhan, ini bermaksud kita pergi kepada-Nya dan menyedari tentang ketidakpercayaan kita, ketidakberdayaan kita dan dosa kita yang sebenar. Ketika kita menyerahkan diri kepada Tuhan pada saat-saat itu, kita memuliakan-Nya kerana pada saat itu kita bergantung kepada-Nya untuk segala-galanya tanpa sebarang khayalan tentang "kebaikan" kita sendiri.

Oleh sebab itu, doa Kemuliaan meskipun singkat tetapi dengan memuliakan-Nya, ia menyedarkan hati dan fikiran kita tentang kebergantungan kita kepada Tuhan untuk segala-galanya. **Aleteia**

PENULIS BERKICAU

## Berhadapan dengan pembuli

Malangnya, perbuatan buli di negara kita seperti perkara biasa. Meskipun kanak-kanak, namun mudah bagi mereka membuli antara satu sama lain di sekolah. Dengan media sosial dan internet, lebih mudah bagi pembuli untuk bersembunyi di sebalik skrin dan merendahkan maruah orang lain.

Agak biasa untuk bertemu dengan pembuli sekurang-kurangnya sekali dalam hidup anda. Ia boleh menjadi sangat menyakitkan dan bahkan membuat anda berasa takut. Setiap kali berasa takut, segeralah meminta bantuan Yesus.

Jadi mari kita lihat kehidupan Yesus untuk melihat bagaimana Dia berurusan dengan pembuli.

Yesus dibuli. Dia mempunyai kawan-kawan yang hebat dan sangat rapat dengan Tuhan. Dia sempurna dan tidak pernah melakukan kesalahan, namun orang ramai masih membuli-Nya. Jangan pernah berfikir orang membuli anda kerana anda telah melakukan sesuatu yang salah.

Apabila Yesus dijatuhkan hukuman mati, ramai orang mengejek-Nya. Orang ramai mengatakan bahawa Yesus ialah seorang raja (yang sesungguhnya benar), jadi sebahagian daripada pembuli memukul-Nya dan kemudian memberikan-Nya mahkota, tetapi mahkota itu diperbuat daripada duri bukannya emas.

Bagaimanakah Yesus bertindak balas? Adakah Dia pergi mengadu kepada pihak berkuasa atau menghantar mereka ke penjara? Tidak. Dia mendengar apa yang mereka katakan, dan mungkin juga menyakitkan perasaan-Nya, tetapi Dia tidak mempercayai mereka.

Dia tidak menghabiskan masanya untuk cuba menghukum pembuli. Dia sebenarnya berdoa untuk mereka! Yesus mengajar kita bahawa kebahagiaan dan harga diri kita tidak bergantung kepada sama ada pembuli kita dihukum atau tidak.

Mungkin membalas dendam atau menghukum paling memuaskan bagi ibu bapa yang marah. Jika anak saya dibuli, jujur saya katakan, sudah pasti langkah pertama yang saya ambil ialah "menyerang" ibu bapa kepada kanak-kanak itu!

Namun sebagai seorang Kristian, saya akur akan ajaran bahawa pembalasan adalah milik Tuhan. Bukan tugas kita untuk menghukum orang yang membuli anak kita.

Umat Katolik dipanggil untuk melindungi maruah manusia tanpa pengecualian. Kita mesti menyedari bahawa buli ialah serangan terhadap maruah manusia dan, oleh itu, kita mesti bersolidariti dengan mangsa buli untuk menyeru agar ia dihentikan.

Marilah kita berharap agar Gereja Katolik di seluruh dunia dapat berbicara secara terbuka dalam komuniti mereka tentang buli dan kesannya terhadap individu.

Ajaran sosial Katolik mengingatkan kita bahawa kita harus aktif dalam melindungi nyawa manusia dan tidak dapat dinafikan bahawa buli ialah serangan terhadap nyawa manusia itu sendiri.

Marilah kita bercakap secara jujur tentang buli dan bertindak balas terhadapnya dengan kasih sayang, supaya kita dapat berusaha ke arah dunia yang menghargai semua manusia tanpa pengecualian, terutamanya golongan yang paling lemah dan rapuh dalam masyarakat — anak-anak kita.

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Anda boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my)**

**atau  
WhatsApp: 011-26391498**



**Untuk Hidup Bersama:**  
Marilah kita berdoa agar masyarakat di mana kehidupan bersama kelihatan sukar, agar tidak tunduk kepada godaan berkonfrontasi atas sebab etnik, politik, agama atau ideologi.

## Fr David Gasikol, Vikaris Kehakiman Keuskupan Keningau yang baharu

KENINGAU: Pada Ogos 5 lalu, berlangsung penyerahan tugas secara rasmi sebagai Vikaris Kehakiman (*Judicial Vicar*) daripada Fr Rudolf Joannes kepada Fr David Gasikol.

Upacara penyerahan ringkas itu diadakan di Pusat Retret Keuskupan Keningau, Tatal.

Vikaris Kehakiman/*Judicial Vicar* mempunyai tanggungjawab dalam memastikan operasi Tribunal Kehakiman Keuskupan berjalan dengan lancar dan adil.

Fr David yang berasal dari Sook,



ditahbis sebagai paderi pada Ogos 11, 2018.

Beliau mengambil jurusan "*Juris Canonici Licentiat*" di *Pontifical and Royal University of St Thomas*, Manila, Filipina bermula Ogos 2022 dan tamat pada Mei 9, 2025.

Beliau membawa gelar "*J.C.L.*" iaitu Ijazah dalam Undang-Undang Hukum Kanonik, segulung Ijazah Sarjana yang hanya dianugerahkan oleh universiti-universiti Keapausan yang diiktiraf oleh Takhta Suci di Roma.



## Latihan pengajar TOB untuk KUBM

KUALA LUMPUR: *Archdiocesan Bahasa Malaysia Apostolate (ABMA)* dengan kerjasama *Archdiocesan Catechetical Ministry* telah menganjurkan Program Pengukuhan Formasi Teologi Tubuh (TOB) pada Ogos 2, lalu.

Program ini merupakan sualan Formasi Teologi Tubuh (*Train-The-Trainers*) yang telah diadakan pada tahun 2024.

Program ini bertujuan untuk memperkukuh pemahaman dan kemahiran para peserta sebagai pengajar Teologi Tubuh untuk Komuniti Umat berbahasa Malaysia (KUBM).

la diadakan di *Archdiocesan Pastoral Centre (APC)* dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang, dan dihadiri oleh tujuh orang peserta dan dua orang pembimbing, iaitu Sr Retta Cannossa dan Sdra Brian Jude Lazaroo dari *Archdiocesan Catechetical Ministry*.

Sdra Brian membawa peserta menyingkap kembali topik berkaitan Teologi Tubuh bermula dari Kitab Kejadian—bagaimana Tuhan menciptakan manusia menurut imej-Nya.

Sesi ini memberi peluang

kepada peserta untuk mengulang kaji kandungan yang telah dipelajari pada tahun sebelumnya.

Setelah sesi pembelajaran, peserta dibahagikan kepada dua kumpulan kecil untuk tugas pembentangan.

Setiap kumpulan diberi masa untuk menyediakan slaid pembentangan berdasarkan topik yang telah dibincangkan. Kedua-dua kumpulan berjaya menyiapkan pembentangan mereka dan menyampaikan hasil diskusi dengan semangat dan kerjasama yang baik.

Aktiviti ini bukan sahaja menguatkan pemahaman, tetapi juga memperkukuh semangat kerja berpasukan dalam kalangan pasukan.

Ini merupakan sambungan kepada bengkel pembentangan yang telah dimulakan pada Julai 20, 2024 apabila peserta mula mencari pengalaman bagaimana membentangkan topik-topik dalam Teologi Tubuh.

Sesi pengukuhan ini ditutup dengan doa penutup oleh Sdri. **Celestine Gabriel**.



## Dua pusat pemantapan rohani di Keningau sambut ulang tahun

KENINGAU: Adorasi Harian di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal (RRKKT) merayakan Ulang Tahun ke-18 manakala Rumah Retret Keuskupan Keningau Tatal merayakan Jubli Perak ke-25 tahun. Kedua-dua ulang tahun ini disambut pada Ogos 7 lalu dengan Misa Kudus.

Misa Kudus dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong dan dibantu oleh Msgr Gilbert Lasius, Fr David Gasikol, Fr Appolonius Yakis, Fr Bede Anthonius dan Fr Joseph Gapitang.

Majlis kesyukuran pula diken-

dalikan oleh Keluarga Pelayan, RRKKT.

"Apabila Keuskupan Keningau terbentuk pada tahun 1993, keperluan sebuah tempat untuk pertemuan para paderi adalah sangat mustahak, dan syukur kepada Tuhan kerana mempermudah kita untuk mendapatkan tanah di RRKKT ini pada tahun 2000.

Kemudian, Ogos 15, 2007 sempena Pengangkatan Santa Perawan Maria ke Syurga, bermulalah Adorasi di RRKKT sebagai ungkapan "hadiah" kita kepada Bonda Maria.

Selama 18 tahun ini, Bapa Uskup berasa berkat yang mengalir dari Adorasi ini sangat berkuasa.

Namun, pada masa yang sama, Uskup Cornelius melihat masih ramai umat yang belum dapat memahami erti adorasi dan kurangnya minat umat bertemu dengan Yesus dalam Sakramen Mahakudus.

Oleh sebab itu, Uskup Cornelius mengajak umat untuk datang ke Saat Teduh dan Adorasi yang pasti akan membantu kita datang kepada Yesus sumber kesatuan, ketsetiaan dan cinta kasih.

## Lima jublirian FSIC mahu terus memuliakan Tuhan



Dari kiri: Sr M. Margaret Shak, Sr M. Clarice Jomitin, Sr M. Gerard Chong, Sr Veronica Kandaung dan Sr M. Jane Sandalun.

PAPAR: Kongregasi tempatan Sabah, *Franciscan Sisters of The Immaculate Conception (FSIC)* telah berhimpun dengan penuh sukacita di *Pace Bene*, Purak, Papar untuk merayakan pencapaian luar biasa lima orang Sister yang telah mendedikasikan hidup mereka dalam pelayanan kepada Tuhan dan umat-Nya.

Dengan tema "Aku telah memanggil engkau dengan namamu, engkau ini kepunyaan-Ku." (Yesaya 43:1) perayaan ini merayakan Jubli Rubi Sr Mary Margaret Shak dan Sr Mary Clarice Jomitin; Jubli Emas Sr Mary Jane Sandalun dan Sr Mary Veronica Kandaung, serta Jubli ke-60 Sr Mary Gerard Chong.

Mereka berlima sangat dikenali dan sangat disayangi oleh umat tempatan kerana banyak melakukan kerja-kerja penginjilan, semi-

nar, kateketikal dan pendidikan.

Misa kesyukuran yang dihadiri lebih 600 umat itu dipimpin oleh para Uskup Katolik Sabah iaitu Uskup Agung John Wong dari Kota Kinabalu, Uskup Cornelius Piong dari Keningau dan Uskup Julius Dusin Gitom, dan beberapa orang paderi.

Dalam ucapannya selepas Misa, Uskup Agung John Wong mengucapkan tahniah dan berterima kasih kepada para jublirian di atas pelayanan, komitmen dan kehidupan rohani mereka yang dicurahkan di pelbagai paroki di Sabah.

Prelatus itu juga menyuntik semangat para Sister yang diraikan itu agar meneruskan pelayanan mereka untuk memperkenalkan Kristus kepada semua orang di samping menjaga kesihatan mereka dengan baik.